

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Nyatakan jenis produk Ar Rahnu yang ditawarkan di Co-opbank Pertama?	<p>Ar Rahnu Co-opbank Pertama menawarkan 2 produk Ar Rahnu yang iaitu;</p> <p>Ar Rahnu Flexi;</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Memberi pilihan kepada pelanggan untuk membuat bayaran kadar keuntungan 12 bulan pada permulaan tempoh pembiayaan dengan menawarkan Kadar Keuntungan yang lebih rendah dan memanjangkan tempoh pembiayaan sehingga 18 bulan (12 + 6) secara automatik. ii) Menawarkan Kadar Keuntungan serendah 0.33% sebulan atau 4.00% setahun atas Nilai Pembiayaan untuk tempoh 12 bulan. Kadar Fi ditetapkan pada kadar 6.00% atas Nilai Marhun tidak tertakluk kepada apa-apa <i>ibra'/rebate/refund</i> atau <i>reversal</i>. iii) Kadar Keuntungan dan Fi dibayar secara <i>one-off</i> pada hari pertama gadaian (baru dan sedia ada) ditolak daripada jumlah pengeluaran pembiayaan <p>Ar Rahnu 5.0 (6+6+6)</p> <p>Memberi pilihan kepada pelanggan untuk membuat bayaran Kadar Keuntungan pada setiap kitaran 6 bulan tempoh pembiayaan dengan menawarkan Kadar Keuntungan kompetitif 9% setahun atas nilai pembiayaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> iv) Menawarkan Fi Struktural 3% atas nilai marhun dan dibayar secara <i>one-off</i> pada hari pertama gadaian (baru dan sedia ada) ditolak daripada jumlah pengeluaran pembiayaan dan tidak tertakluk kepada apa-apa <i>ibra'/rebate/refund</i> atau <i>reversal</i>.
2.	Apakah konsep Syariah yang digunakan?	<ul style="list-style-type: none"> • Prinsip Syariah yang terpakai ialah kontrak Murabahah di bawah pengaturan konsep Tawarruq. Berlandaskan prinsip Syariah Murabahah di bawah konsep Tawarruq (Komoditi Murabahah), CBP akan membeli komoditi daripada pembekal dan menjualnya kepada pelanggan pada harga jualan (kos + keuntungan) secara tangguh. Seterusnya, sebagai agen pelanggan, CBP menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai, dan hasil jualan tunai dimasukkan ke dalam akaun pembiayaan pelanggan. • Rahn merujuk kepada sebuah kontrak, yang mana satu pihak sebagai penggadai (<i>rahin</i>) mengikat gadai janji sebuah aset sebagai gadaian/cagaran (<i>marhun</i>) kepada penerima gadaian (<i>murtahin</i>), untuk memenuhi liabiliti pelanggan sekiranya penggadai tidak mampu melunaskan keberhutangan. • Ijarah Al-Khidmat suatu mekanisme di mana Co-opbank Pertama (CBP) bertanggungjawab ke atas pengurusan dan penjagaan marhun (cagaran) yang digadaikan.
3.	Siapa yang layak memohon Ar-Rahnu di Co-opbank Pertama?	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota CBP • Bukan Anggota CBP (Warganegara & Penduduk Tetap) • Berumur 18 Tahun ke atas • Tidak Bankrap & Tidak diisyiharkan Muflis

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

4.	Berapakah jumlah dan had pembiayaan ?	<ul style="list-style-type: none"> Margin pembiayaan sehingga 80% dari Nilai <i>Marhun</i> Had Pembiayaan Harian sehingga RM300,000.00 Had Pembiayaan Terkumpul sehingga RM350,000.00
5.	Apakah jenis barang kemas yang diterima?	<ul style="list-style-type: none"> Barang kemas emas yang padu dan berongga dari mutu 750, 835, 875, 916, 950 dan 999 Syiling emas / wafer emas / kepingan emas yang mempunyai sijil pengesahan
6.	Berapa lamakah tempoh gadaian maksimum?	<p>Ar Rahnu Flexi.</p> <ul style="list-style-type: none"> Tempoh gadaian maksimum adalah 18 bulan (12 + 6). Pelanggan perlu menjelaskan kadar keuntungan pada hari pertama gadaian dan pada bulan ke 18 gadaian. <p>Ar Rahnu 5.0</p> <ul style="list-style-type: none"> Tempoh gadaian maksimum adalah 18 bulan (6 +6+6). Setiap kitaran 6 bulan pelanggan perlu menjelaskan kadar keuntungan.
7.	Adakah harga emas CBP dikemaskini pada setiap hari?	Ya, harga emas semasa di CBP akan dikemaskini pada setiap hari.
8.	Adakah barang gadaian akan dilelong sekiranya kadar keuntungan tidak dibayar pada tempoh yang ditetapkan sebagaimana yang tertera di Surat Akuan Gadaian (SAG)	Ya. Barang kemas akan dilelong mengikut prosedur sedia ada sekiranya pelanggan tidak membayar kadar keuntungan yang ditetapkan sebagaimana yang tertera di dalam Surat Akuan Gadaian (SAG)
9.	Bolehkan pelanggan menghantar wakil bagi tujuan penebusan?	<p>Boleh. Pelanggan perlu mendapatkan dokumen sebagaimana yang berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> Surat Wakil yang bertandatangan pemilik asal Surat Akuan Gadaian (SAG). Salinan kad pengenalan penggadai. SAG (Salinan Pelanggan) yang asal Dokumen sokongan yang membuktikan hubungan antara penggadai dan wakil (sijil nikah/surat beranak). Sijil kematian (jika penggadai meninggal dunia).
10.	Adakah semua cawangan Co-opbank Pertama terdapat perkhidmatan Ar Rahnu?	Ya. Semua 35 cawangan Co-opbank Pertama menyediakan perkhidmatan Ar Rahnu termasuk 1 Outlet Ar Rahnu.